

Khasiat kulat susu rimau



Dr Tan menunjukkan kulat susu rimau selepas enam bulan dibiakan.



KULAT INI TUMBUH DI BAWAH TANAH DAN HANYA PAYUNGNYA SAJA YANG KELUAR KE PERMUKAAN TANAH MENYEBABKAN SUKAR UNTUK MENCARINYA MELAINKAN MEREKA YANG PAKAR SAHAJA”

Ng Szu Ting,
Penyelidik dan Ketua Pegawai Eksekutif Ligno Biotech Sdn Bhd

“Penyelidikan dijalankan dengan kerjasama pelbagai

» Bahagian ubi cendawan bersifat antiradang, bantu legakan pernafasan

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

Kulat susu rimau atau *Lignosus rhinocerus* mengandungi khasiat bagi melegakan penyakit ringan seperti selesema, demam dan sesak nafas.

Sebenarnya cendawan susu rimau digunakan sejak abad ke-18 bagi mengubati pelbagai jenis penyakit.

Kulat yang tumbuh merata di dalam hutan tropika seperti Asia Tenggara termasuk Malaysia, sering digunakan oleh masyarakat Orang Asli, Melayu dan Cina sebagai bahan perubatan serta tonik kesihatan.

Penyelidik dan Ketua Pegawai Eksekutif Ligno Biotech Sdn Bhd, Ng Szu Ting, berkata lazimnya bahagian ubi kulat yang tertanam di dalam tanah yang digunakan untuk tujuan perubatan.

“Bahagian ubi yang putih akan disagat atau diparit di belakang lesung untuk mendapatkan isinya sebelum dibancuh dengan air bagi tujuan menyihatkan badan.

“Bahan ini biasanya dimakan golongan lelaki dalam kalangan Orang Asli untuk menguatkan tenaga serta lebih peka ketika meredah hutan,” katanya yang juga bekas penyelidik Mardi.

Kaji khasiat, teknologi pembiakan

Beliau membuat penyelidikan mengenai khasiat dan teknologi pembiakan kulat susu rimau di makmal bersama Dr Tan Chon Seng sejak tahun 2002 sebelum menuhubung Ligno Biotech dengan kerjasama Mardi pada tahun 2008.

“Penyelidikan dijalankan dengan kerjasama pelbagai

institusi pengajian tinggi awam seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Tun Abdul Razak (UTAR).

“Kerjasama turut diadakan sehingga peringkat antarabangsa seperti Universiti Macau, Hong Kong untuk memastarkannya di peringkat global,” katanya.

Kaya antioksidan menyaring kirkankan bahan toksin daripada tubuh.

Ng berkata, hasil kajian

di USM mendapati ubi kulat ini mengandungi bahan anti radang yang boleh merehatkan otot pernafasan.

Beliau berkata, bahan anti radang merehatkan otot salur pernafasan dan membantu mengubahsuai sistem ketahanan badan.

Kaya antioksidan menyaring kirkankan bahan toksin daripada tubuh.

“Kulat ini juga mengandungi bahan anti ketumbuhan yang meningkatkan kualiti hidup dan sistem ketahanan badan pesakit selepas menjalani kemoterapi.

“Kulat ini tumbuh di bawah tanah dan hanya payungnya saja yang keluar ke permukaan tanah menyebabkan sukar untuk mencarinya melainkan mereka yang pakar sahaja.”

Pembiakan tisu
“Justeru, kami membuat keputusan untuk membiakkannya di makmal menggunakan bioteknologi pembiakan tisu sejak 2002,” katanya.

Dianggarkan kira-kira 500 kilogram kulat boleh ditanam dalam tempoh satu bulan dengan menggunakan khasiat bersar sebagai bahan utama.



INFO

Asal nama kulat susu rimau: Sisa susu ibu harimau yang menitis di atas tanah tumbuh sebagai cendawan.

- ◎ Turut dikenali sebagai cendawan susu harimau.
- ◎ Digunakan sejak 400 tahun lalu.
- ◎ Disimpan sebagai penawar untuk selesema, batuk dan sesak nafas sejak tahun 1940 di rumah penduduk di negara ini.
- ◎ Sesetengahnya mencampurkan kisaran ubi kulat ini dengan herba akar tongkat ali sebagai tonik.

Khasiat kulat susu rimau boleh melegakan:

- ◎ Demam
- ◎ Selesema
- ◎ Melegakan kesan penyakit barah
- ◎ Sesak nafas
- ◎ Melegakan batuk
- ◎ Bengkak dan bernanah
- ◎ Sakit sendi



Kulat susu rimau.



Bahan anti ketumbuhan

Kulat ini juga mengandungi bahan anti ketumbuhan yang meningkatkan kualiti hidup dan sistem ketahanan badan pesakit selepas menjalani kemoterapi.

“Kulat ini tumbuh di bawah tanah dan hanya payungnya saja yang keluar ke permukaan tanah menyebabkan sukar untuk mencarinya melainkan mereka yang pakar sahaja.”

Pembiakan tisu
“Justeru, kami membuat keputusan untuk membiakkannya di makmal menggunakan bioteknologi pembiakan tisu sejak 2002,” katanya.

Dianggarkan kira-kira 500 kilogram kulat boleh ditanam dalam tempoh satu bulan dengan menggunakan khasiat bersar sebagai bahan utama.

Herba melindungi kulit

Kulit yang sihat memerlukan penjagaan rapi. Aliran masa kini memperlihatkan pengguna lebih berhati-hati dalam menjaga kesihatan kulit terutama bahagian muka.

Pilihan terbaik

Selain mengamalkan pengambilan sajian seim-

bang dan sihat, mereka peka kepada penggunaan produk kecantikan berasaskan sumber asli.

Pengguna lebih percaya produk berasaskan tumbuh-tumbuhan adalah antara pilihan terbaik kerana yakin akan keaslian dan terbukti berkesan.



Pilihan bahan semula jadi dalam ramuan produk kecantikan

Angelica

Tumbuh-tumbuhan daripada spesies angelica ini banyak khasiatnya terutama pada bahagian akar.

Akarnya disaring untuk menghasilkan pati minyak yang terbukti berkhasiat sebagai agen mencantikkan dan memutihkan kulit.

Spesies tumbuh-tumbuhan ini merupakan bahan alami yang membantu membersihkan kulit. Lebih berkhasiat selepas bijiran ini menjalani proses pemeraman untuk tempoh masa tertentu.

Ramuan aktif di dalam daunnya membebaskan sel darah merah dari infeksi bakteria.

Ramuan aktif di dalam daunnya dijadikan bahan utama perubatan tradisional sejak sekian lama terutama di Jepun, Korea dan China.

Tinggi kandungan beta keratin, vitamin C dan pati minyak sebagai agen kecantikan.

Herba serba guna ini juga membantu mengatasi masalah sistem pencernaan.

Melothria

Spesies teratai ini terkandung pelbagai khasiat di dalamnya. Patinya membantu mengurangkan pengeluaran melanin punca kulit kusam, tidak berma-

raya.

Daun ini mempunyai khasiat dengan meningkatkan aliran darah dalam badan selain menyegarkan kulit.

Daun Loquat

Sejenis tumbuh-tumbuhan asli yang hidup melata di kawasan Asia Timur. Herba ini digunakan secara meluas dalam bidang perubatan alternatif.

Daun ini mempunyai khasiat dengan meningkatkan aliran darah dalam badan selain menyegarkan kulit.

Mugwort

Tumbuh-tumbuhan ini mempunyai banyak manfaat antara lainnya meningkatkan peredaran darah, anti inflamasi dan anti bakteria.

Ramuan aktif di dalam daunnya membebaskan sel darah merah dari infeksi bakteria.

Daunnya dijadikan bahan utama perubatan tradisional sejak sekian lama terutama di Jepun, Korea dan China.

Tinggi kandungan beta keratin, vitamin C dan pati minyak sebagai agen kecantikan.

Herba serba guna ini juga membantu mengatasi masalah sistem pencernaan.

Rumusan herba dalam produk kecantikan

Bagi memenuhi keperluan penggunaan secara berkesan pengeluar produk kecantikan menghasilkan gel herba yang mengandungi kelima-lima bahan ini dalam satu ramuan istimewa.

Gel herba Sekkisei keluaran Kose yang berpangkalan di Jepun yakin rumusan pati semula jadi daripada lima

herba ini mempunyai banyak kelebihan.

Gabungan pati daripada bahan asli mengelakkan kesan kulit kering, meningkatkan aliran darah, melembapkan struktur kulit dan mengekalkan kesan kusam.

Krim herba berdasarkan air ini tidak melekit dan mesra pengguna.